

PENGUNAAN BAHASA MAKIAN DALAM KALANGAN GENERASI KINI : SATU KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Wan Azni Wan Mohamad

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: azni@usm.my

Nur Faraliana Mohd Yusoff

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: faraliana@usm.my

ABSTRAK

Bahasa makian sering dikaitkan dengan ekspresi emosi yang melampau seperti kemarahan, ketidakpuasan hati, atau sebagai satu bentuk humor dalam komunikasi tidak formal. Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis-jenis bahasa makian yang digunakan oleh generasi kini serta meneliti faktor-faktor yang mendorong penggunaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 120 responden berusia 16 hingga 30 tahun. Dapatan menunjukkan bahawa media sosial, pengaruh rakan sebaya, dan tekanan emosi memainkan peranan penting dalam mendorong penggunaan bahasa makian. Kajian ini memberikan gambaran tentang pergeseran norma linguistik dalam kalangan generasi muda dan mencadangkan perlunya pendekatan pendidikan yang holistik bagi menangani isu ini.

Kata kunci: Bahasa makian; sosiolinguistik; generasi muda; media sosial; norma bahasa

1. PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat komunikasi utama manusia yang mencerminkan budaya, pemikiran dan emosi penuturnya. Dalam konteks sosiolinguistik, penggunaan bahasa tidak hanya bersifat neutral tetapi juga sarat dengan makna sosial. Bahasa makian, walaupun dianggap tidak sopan, tetap menjadi sebahagian daripada wacana harian, terutama dalam kalangan generasi kini. Fenomena ini dilihat semakin ketara dalam platform media sosial, permainan dalam talian dan komunikasi seharian. Oleh itu, kajian ini cuba menelusuri bentuk, punca dan implikasi penggunaan bahasa makian dalam kalangan generasi muda.

2. SOROTAN KAJIAN

Hymes (1972) menekankan bahawa kajian sosiolinguistik perlu mengambil kira konteks penggunaan bahasa melalui model SPEAKING yang menekankan persekitaran, peserta, tujuan dan norma-norma komunikasi. Labov (2001) pula melihat bahasa sebagai penanda variasi sosial dan generasi. Dalam konteks Malaysia, Aziz (2010) menunjukkan bahawa media massa telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan kata kasar dalam wacana awam. Ting & Mahadhir (2016) pula mendapati bahawa penggunaan makian dalam kalangan pelajar universiti mencerminkan pengaruh budaya pop dan media digital. Noraini & Hamidah (2018) menjelaskan cara media sosial mewujudkan persekitaran yang membenarkan penggunaan makian tanpa kawalan, terutamanya dalam kalangan remaja.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan. Instrumen soal selidik dibina dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang bahasa dan pendidikan. Soal selidik tersebut terdiri daripada empat bahagian: maklumat demografi, jenis makian yang biasa digunakan, faktor


pendorong, dan persepsi terhadap penggunaan makian. Seramai 120 responden berusia 16 hingga 30 tahun dipilih secara persampelan mudah dari pelbagai latar belakang (pelajar, pekerja muda, dan pengguna aktif media sosial).

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Perbandingan Carta Umur dan Carta Jantina

Bahagian ini membincangkan latar belakang responden dari segi umur dan jantina yang terlibat dalam kajian. Pemilihan dua pemboleh ubah ini penting kerana faktor umur dan jantina dipercayai memberikan pengaruh yang ketara terhadap corak dan kecenderungan penggunaan bahasa makian dalam kalangan masyarakat khususnya generasi kini.

Rajah 1: Perbandingan Carta Umur dan Carta Jantina




Hasil kajian yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan wanita yang berumur antara 21 hingga 25 tahun yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik dan berada dalam lingkungan usia yang aktif dari segi interaksi dan penggunaan media sosial khususnya pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).


4.2 Situasi Penggunaan Yang Paling Dominan dan Bahasa Yang Paling Dominan

Bahagian ini bertujuan mengenal pasti konteks situasi dan jenis bahasa yang paling dominan digunakan oleh responden ketika mengungkapkan bahasa makian. Dapatan daripada bahagian ini menjelaskan bahawa norma sosial, emosi dan persekitaran mempengaruhi penggunaan bahasa makian dan menyumbang pada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang realiti sosiolinguistik dalam kalangan generasi kini.

Rajah 2: Carta Situasi Penggunaan Yang Paling Dominan



Rajah 3: Carta Bahasa Makian Yang Paling Dominan



Majoriti responden mengaku pernah menggunakan bahasa makian dalam kehidupan seharian terutama dalam situasi tertentu. Antara situasi yang dikenal pasti sebagai pencetus utama penggunaan bahasa makian adalah ketika marah atau tertekan, ketika bermain permainan video dan ketika berbual dengan rakan sebaya.

Dapatan menunjukkan bahawa perkataan yang paling dominan digunakan ialah 'bodoh', yang direkodkan sebanyak 30 kali. Selain itu, perkataan seperti 'babi' direkodkan sebanyak 7 kali, 'sial' direkodkan sebanyak 5 kali, 'bongkok', 'bodo', dan 'bangang' masing-masing direkodkan sebanyak 4 kali turut mencerminkan kecenderungan generasi kini menggunakan bahasa yang bersifat penghinaan. Perkataan makian dalam bahasa Inggeris seperti 'shit' dan 'wtf' juga digunakan yang menunjukkan bahawa pengaruh bahasa asing juga wujud dalam konteks bahasa makian yang digunakan seharian.

4.3 Pengaruh Penggunaan Bahasa Makian

Bahasa makian bukan sekadar bentuk ekspresi emosi, tetapi turut membawa implikasi terhadap norma sosial dan hubungan interpersonal. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh penggunaan bahasa makian sebagai hasil interaksi kompleks antara individu dan persekitaran sosialnya. Oleh itu, pemahaman terhadap pengaruh ini penting bagi merangka pendekatan pendidikan bahasa yang lebih peka terhadap realiti semasa generasi muda.

Rajah 4: Carta Pengaruh Penggunaan Bahasa Makian



Dapatan menunjukkan bahawa pengaruh media massa merupakan faktor paling dominan yang mendorong penggunaan bahasa makian, diikuti oleh rakan sebaya dan tekanan perasaan. Kekerapan kombinasi ketiga-tiga faktor ini mencerminkan perubahan norma linguistik yang dipengaruhi oleh budaya digital dan gaya hidup masa ini. Dalam konteks ini, media massa bukan sahaja berperanan sebagai penyampai maklumat tetapi juga agen pembentukan tabiat linguistik generasi muda. Kombinasi pengaruh media massa, rakan sebaya, tekanan perasaan dan hiburan muncul secara berulang menandakan satu pola sosial yang kuat dalam kalangan remaja atau generasi ini.

4.4 Keselesaian Penggunaan Bahasa Makian Terhadap Anda Oleh Orang Lain

Bahagian ini meneliti tahap keselesaian responden apabila mereka menjadi sasaran bahasa makian yang digunakan oleh orang lain sama ada dalam konteks bergurau, marah atau menegur. Aspek ini penting untuk memahami penerimaan sosial terhadap bahasa makian dalam interaksi harian serta batasan norma sopan santun yang masih dipegang oleh generasi kini.

Rajah 5: Carta Keselesaian Penggunaan Bahasa Makian Terhadap Anda Oleh Orang Lain



Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menyatakan bahawa mereka tidak berasa selesa terhadap penggunaan bahasa makian oleh individu lain ketika berkomunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun bahasa makian semakin kerap berlaku, norma sosial dan nilai sopan santun masih dipegang teguh oleh majoriti masyarakat. Walau bagaimanapun, kewujudan peratusan kecil yang menjawab 'Ya' dan 'Tidak pasti' yang memperlihatkan kemungkinan penerimaan terhadap dalam kalangan responden terutama dalam konteks hubungan rapat atau komunikasi tidak formal.

4.5 Kekerapan Penggunaan Bahasa Makian

Bahagian ini membincangkan tahap kekerapan penggunaan bahasa makian dalam kalangan responden yang terlibat dalam kajian. Kekerapan ini diukur berdasarkan pengakuan responden sama ada mereka pernah, tidak pernah atau bergantung pada konteks Ketika menggunakan bahasa makian.

Rajah 6: Carta Kekerapan Penggunaan Bahasa Makian



Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa makian dalam kalangan responden agak terkawal dengan separuh daripada responden mengakui bahawa mereka tidak menggunakannya sama sekali. Namun begitu, terdapat sebilangan besar yang mengakui bahawa penggunaan bahasa tersebut bergantung pada konteks yang sekali gus memberikan gambaran bahawa bahasa makian mungkin diterima dalam situasi tertentu seperti interaksi sosial atau ketika dalam keadaan beremosi. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih ada kelenturan norma linguistik dalam masyarakat kini yang bergantung pada persekitaran dan kelompok sosial.

4.6 Pergeseran Norma Linguistik

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pergeseran norma linguistik yang signifikan dalam kalangan generasi muda. Bahasa makian tidak lagi semata-mata mencerminkan kemarahan atau kejengkelan, tetapi telah menjadi sebahagian daripada wacana santai dan komunikasi mesra dalam sesetengah kumpulan sosial. Normalisasi makian dalam kalangan generasi kini sebahagiannya didorong oleh budaya digital yang tidak mengawal penggunaan bahasa secara berkesan. Teori sosiolinguistik menyatakan bahawa variasi bahasa berfungsi sebagai penanda identiti kumpulan (Holmes, 2013). Dalam kes ini, penggunaan bahasa makian berfungsi sebagai alat solidariti dalam kalangan rakan sebaya atau komuniti dalam talian. Namun begitu, fenomena ini menimbulkan persoalan dari sudut nilai dan etika komunikasi terutama dalam masyarakat yang mengutamakan kesantunan bahasa. Dari sudut pendidikan bahasa, wujud keperluan untuk mendidik generasi muda berkaitan implikasi jangka panjang terhadap komunikasi dan pembentukan identiti bahasa. Institusi pendidikan dan keluarga perlu memainkan peranan dalam menyemai sikap menghormati dan kesedaran linguistik yang lebih tinggi.

5. KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan bahasa makian dalam kalangan generasi kini merupakan satu fenomena yang semakin membudaya yang dipengaruhi oleh media sosial, tekanan emosi dan norma kumpulan. Walaupun hal ini mencerminkan ekspresi diri dan dinamika sosial tertentu, penggunaan bahasa makian membawa implikasi negatif terhadap nilai bahasa, kesantunan dan imej generasi muda. Justeru, pendidikan bahasa perlu mengambil pendekatan yang lebih inklusif dan holistik dalam membentuk kesedaran linguistik dan tanggungjawab berbahasa dalam kalangan masyarakat.

6. RUJUKAN

- Aziz, M. A. (2010). *Pengaruh media massa terhadap penggunaan bahasa tidak sopan dalam kalangan remaja*. Jurnal Komunikasi, 26(2), 33–45.
- Holmes, J. (2013). *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Routledge.
- Hymes, D. (1972). Models of the interaction of language and social life. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication* (pp. 35–71). Holt, Rinehart and Winston.
- Labov, W. (2001). *Principles of linguistic change: Social factors* (Vol. 2). Blackwell.
- Noraini, S., & Hamidah, H. (2018). Bahasa remaja dan media sosial: Satu pemerhatian awal. In *Prosiding Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya* (pp. 223–231). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ting, S. H., & Mahadhir, M. (2016). Swearing among Malaysian university students in English: Patterns and functions. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 35–51. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-03>